



DASAR DAN POLISI PENERBITAN INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI PERDA (PERDA-TECH)

1. TUJUAN

Dasar dan Polisi Penerbitan ini diwujudkan bagi memastikan semua bahan penerbitan yang dihasilkan oleh PERDA-TECH adalah berkualiti, tepat, berintegriti serta selaras dengan visi, misi dan imej korporat institusi.

2. SKOP

Polisi ini terpakai kepada semua bentuk bahan penerbitan rasmi PERDA-TECH, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a) Laporan tahunan dan laporan program
- b) Buletin, majalah dan artikel
- c) Buku, manual dan bahan ilmiah
- d) Poster, risalah dan bahan promosi
- e) Kandungan laman web dan media sosial rasmi
- f) Bahan publisiti dan dokumentasi program

3. PRINSIP PENERBITAN

3.1 Ketepatan Maklumat

Maklumat yang diterbitkan hendaklah sahih, tepat dan boleh disahkan.

3.2 Profesionalisme

Kandungan hendaklah disediakan secara profesional, beretika serta menggunakan bahasa yang sesuai dengan imej institusi.

3.3 Keselarasan Institusi

Semua bahan penerbitan hendaklah selaras dengan dasar, objektif dan kepentingan PERDA-TECH.

3.4 Kualiti Kandungan

Setiap bahan hendaklah melalui proses semakan kandungan, bahasa dan reka bentuk sebelum diterbitkan.

4. **PROSEDUR PENERBITAN**

- a) Penyediaan draf oleh unit atau pegawai yang bertanggungjawab.
- b) Semakan kandungan dan bahasa oleh pihak berkaitan.
- c) Pengesahan oleh Ketua Penyelaras yang diberi kuasa atau lantik.
- d) Kelulusan akhir oleh pihak pengurusan PERDA-TECH sebelum penerbitan atau penyebaran.

5. **HAK CIPTA DAN ETIKA PENERBITAN**

Semua bahan penerbitan hendaklah mematuhi undang-undang hak cipta serta etika penerbitan. Sebarang penggunaan bahan daripada sumber luar hendaklah dinyatakan rujukannya dengan jelas.

6. **TANGGUNGJAWAB**

Semua pegawai dan kakitangan PERDA-TECH yang terlibat dalam penyediaan bahan penerbitan hendaklah mematuhi dasar dan polisi ini bagi memastikan integriti serta reputasi institusi sentiasa terpelihara.

7. **KUATKUASA**

Dasar dan Polisi Penerbitan ini berkuat kuasa pada tarikh diluluskan oleh pihak pengurusan PERDA-TECH dan tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa mengikut keperluan institusi.